

03 FEB 2001

Mahathir-perkahwinan

DR MAHATHIR HADIR MAJLIS PERKAHWINAN PEGAWAI MAMPU

PUTRAJAYA, 3 Feb (Bernama) -- Majlis perkahwinan seorang pegawai kerajaan di sini hari ini bertambah meriah dengan kehadiran Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Pengantin lelaki, V.Valluvan, 31, Penolong Pengarah Bahagian Dasar dan Korporat Unit Pemodenan Pentadbiran dan Perancangan Pengurusan (MAMPU), nyata gembira dengan kehadiran Perdana Menteri dan isteri.

"Kami berdua amat gembira, tak tahu nak cakap apa lagi, walaupun Dr Mahathir sibuk tetapi beliau tetap hadir pada majlis perkahwinan kami," katanya selepas majlis itu yang diadakan di Dewan Serbaguna, Presint 8, di sini.

Valluvan, dan isterinya S.Thilagarani, 30, seorang pensyarah kolej, mengambil keputusan berkahwin selepas tiga tahun berkenalan.

Ketibaan Dr Mahathir dan Dr Siti Hasmah pada 1 tengah hari ini disambut kedua-dua pengantin itu serta keluarga.

Dr Mahathir kemudian menyempurnakan istiadat penyatuan pengantin dikenali sebagai "kollam" di perkarangan pintu masuk ke dewan berkenaan, yang pertama kali digunakan untuk majlis perkahwinan.

Sebanyak 500 tetamu termasuk Pengerusi Kumpulan Wang Simpanan Pekerja Tan Sri Halim Ali turut memeriahkan majlis itu.

Valluvan berkata beliau bangga kerana menjadi pasangan pertama melangsungkan perkahwinan di sini Putrajaya selepas ia diisytiharkan sebagai Wilayah Persekutuan dua hari lepas.

Pasangan itu yang berasal dari Kedah bercadang berbulan madu di Langkawi.

-- BERNAMA

ZAI RZS AZZ MAI